

'Q-Assist' bantu pesakit strok

» Kumpulan Zitron PPUKM cipta inovasi kurangkan masa, kos rawatan

Oleh Akmal Syazwan Abdul Manaf
akmal.syazwan@bh.com.my

► Bangi

Sebuah kumpulan bawah Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), mencipta inovasi dinamakan Q-Assist bagi membantu pesakit strok berdiri.

Alat bantuan alternatif dihasilkan oleh Kumpulan Zitron itu secara langsung dapat mengurangkan masa dan kos rawatan pesakit terbahit ketika menjalani sesi pemulihan.

Ketua kumpulan itu, Siti Aisyah Amran, 28, berkata ini berikutan analisis pihaknya mendapati sejumlah besar pesakit strok mengalami kesukaran bergerak dan memerlukan bantuan petugas fisioterapi untuk berdiri sewaktu proses berkenaan.

Beliau berkata, penyediaan alat bantuan itu untuk seseorang pesakit mengambil masa dua hari kerana perlu mengambil ukuran ketinggian dan lebar kaki terlebih dahulu.

Sedang dipatenkan

"Pada fasa permulaan, juruteknik perubatan akan mengambil casting untuk mendapatkan bentuk kaki pesakit sebelum acuan itu dimodifikasi. Acuan itu kemudian akan melalui proses fabrikasi dan akhir sekali dipasang aksesori.

"Ketika ini, Q-Assist dalam usaha dipatenkan, manakala pihak Jabatan Kualiti UKM sudah memeriksa tahap mutunya. Kami menyasarkan alat ini diguna secara lebih



Kumpulan Zitron menunjukkan hasil inovasi mereka.



"Ketika ini, Q-Assist dalam usaha dipatenkan, manakala pihak Jabatan Kualiti UKM sudah memeriksa tahap mutunya"

Siti Aisyah Amran,
Ketua kumpulan

meluas bagi menyokong proses pemulihan pesakit di Hospital Canselor Tuanku Muhriz PPUKM," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UKM Kali Ke-20 di sini, baru-baru ini, yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Dr Riza Atiq Abdullah O K Rahmat.

Mengulas lanjut cabaran menghasilkan Q-Assist, Siti Aisyah berkata, mereka perlu memperhalusi aspek kekuatan spring pada alat itu kerana setiap pesakit strok mengalami lemah lutut.

Kekuatan spring

"Masalah dihadapi ketika menjalankan kajian terhadap alat ini ialah untuk menetapkan kekuatan spring berikutan setiap pesakit memiliki berat badan berbeza.

"Bagaimanapun, masalah itu

berjaya diatasi selepas melakukan percubaan berulang kali. Tiga lubang ditebuk pada sisi alat itu yang membolehkan ahli fisioterapi menentukan kekuatannya berdasarkan keupayaan kaki pesakit.

"Kami juga menentukan spring bersesuaian digunakan oleh pesakit selaras berat badan mereka," katanya sambil berharap Q-Assist akan diperkenalkan kepada vendor peralatan orthosis dan pemanfaatan diperluaskan ke hospital lain.

Sementara itu, Riza Atiq Abdullah ketika ditemui pula berkata, pihaknya mementingkan kualiti dan kreativiti dalam penghasilan inovasi yang bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga antarabangsa, sekali gus mampu menjana sumber kewangan kepada universiti serta negara.

"Saya berharap kumpulan seperti ini akan menjadi contoh kepada orang ramai dan memacu perubahan seiring peredaran zaman," katanya.



Gambar kenangan peserta Konvensyen KIK Peringkat UKM Kali Ke-20.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY DIN/BH]